



**MOHD. Noh Dalimin (kiri) dan Ciarán Ó Catháin berjabat tangan selepas perjanjian persefahaman di UTHM, Johor, baru-baru ini.**

# UTHM- AIT tubuh pusat penyelidikan

UNIVERSITI Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Athlone Institute of Technology (AIT), Ireland melakar lembaran baru dalam bidang kerjasama penyelidikan apabila menubuhkan sebuah pusat penyelidikan bersama UTHM - AIT.

Terletak di bangunan baharu pusat penyelidikan bersama MiNT- SRC, UTHM - AIT telah dilancarkan secara rasmi oleh Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin dan Presiden AIT, Prof. Ciarán Ó Catháin baru-baru ini.

Perjanjian persefahaman untuk mewujudkan sebuah pusat penyelidikan yang memberi manfaat kepada dua buah universiti ini telah

dicapai melalui siri perbincangan yang telah diadakan sebelum ini.

Melalui penubuhan pusat penyelidikan bersama UTHM-AIT secara langsung mempertingkatkan kerjasama penyelidikan dan mengeratkan lagi hubungan antara universiti

Kerjasama AIT melibatkan pertukaran penyelidik dalam bidang yang berkaitan ke pusat ini bagi menjalankan penyelidikan bersama penyelidik UTHM.

UTHM rakan kerjasama itu dapat memanfaatkan sepenuhnya penubuhan pusat penyelidikan itu bagi memperkasa kualiti pendidikan universiti ke pentas antarabangsa.